

20 MAY 2001

Akar (Fokus Berita)

TEKA-TEKI MENGENAI AKAR TERJAWAB SELEPAS PEMBUBARAN

Oleh: Newmond Tibin

KOTA KINABALU, 20 Mei (Bernama) -- Teka-teki dan ketidakpastian mengenai masa depan Angkatan Keadilan Rakyat (Akar) berakhir secara dramatik apabila semua anggotanya mengucapkan "sayonara" kepada parti berusia 12 tahun itu dan menyertai Umno secara beramai-ramai hari ini.

Sebelum ini, ketidakpastian menyelubungi hala tuju presiden parti Datuk Pandikar Amin Mulia selepas perwakilan ke kongres parti tahun lalu memberi mandat kepada beliau untuk menentukan hala tuju parti itu pada masa depan.

Spekulasi bertiup kencang kemudian bahawa Akar, satu daripada parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri mungkin dibubar tetapi ia tidak menjadi kenyataan selepas itu.

Sebaliknya, tiga bulan kemudian menyaksikan perubahan pendirian apabila Pandikar Amin menyerahkan kepada anggota-anggota Majlis Tertinggi untuk membuat keputusan muktamad.

Kenyataan itu dianggap sebagai isyarat bahawa Akar mungkin tidak dibubarkan dan sejak itu, isu berkenaan menjadi teka-teki terutama di kalangan pemerhati politik.

Sebenarnya sebelum kongres itu pada 25 Nov tahun lepas, Presiden Akar itu berkata "politik memungkinkan segala-galanya".

Memang benar, Pandikar Amin akhirnya membuat keputusan untuk pembubaran parti.

"Setelah memeras otak berbulan-bulan lamanya, maka saya telah menyampaikan keputusan saya (pembubaran) kepada perwakilan semalam," kata beliau dalam ucapannya pada Perhimpunan Khas Akar, di sini.

Beliau berkata keputusan itu dibuat setelah mengambil kira semua faktor termasuk kekuatan parti itu di negeri ini.

"Perjuangan parti Akar adalah seperti suatu pelayaran di lautan samudera yang penuh cabaran dan sebagai seorang nakhoda kapal yang diberi kepercayaan, saya bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan muatan bahtera sampai ke destinasiya.

"Saya sedar dan akur bahawa kepakaran nakhoda "Pandikar Kampung" ada batasnya. Oleh itu, kita perlu berada dalam bahtera yang lebih besar atau parti yang lebih besar untuk menjamin masa depan anggota," katanya.

Keputusan yang ditunggu-tunggu itu diumumkan secara rasmi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN apabila merasmikan Perhimpunan Khas itu.

Mahathir juga mempelawa bekas anggota Akar untuk menyertai Umno yang menjadi tunggal kerajaan sekarang. Kemudian, Dr Mahathir menerima permohonan daripada mereka untuk menyertai Umno.

Berikutan pembubaran Akar dalam arena politik di negeri ini, jumlah parti komponen dalam BN Sabah kini berkurangan menjadi lapan dengan Umno menjadi tunggal seperti terbukti pada pilihan raya negeri yang lepas.

Parti komponen lain ialah Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Liberal Demokratik (LDP), Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Murut Sabah (UPKO), Gerakan, MCA dan MIC.

Akar, yang mempunyai lebih 30,000 anggota, ditubuhkan pada September 1989 oleh bekas pemimpin Parti Bersatu Sabah (PBS) termasuk Pandikar Amin.

Bekas pemain PBS lain yang pernah menyertai Akar ialah bekas Timbalan Ketua Menteri Datuk Mark Koding, Datuk Dr Jeffry Kitingan, Datuk Kalakau Untol dan Datuk George Sangkin.

Semasa kewujudannya selama 12 tahun, parti itu cuma menang satu kerusi iaitu Tempasuk pada pilihan raya negeri 1994. Anggota Dewan Undangan negeri

bagi Tempasuk Pandikar Amin kemudian dilantik Menteri Pertanian dan Perikanan Sabah.

Pandikar tidak bertanding semula di Tempasuk pada pilihan raya negeri yang lepas untuk memberi laluan kepada calon Umno. Beliau kemudian dilantik sebagai senator dan Perdana Menteri melantik beliau sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Ketika ditemui pemberita kemudian, Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat berkata keputusan Pandikar Amin untuk membubarkan parti dan menyertai Umno secara beramai-ramai adalah wajar kerana ia memberi isyarat penting bagi perpaduan.

Mengenai kesediaan Umno menerima anggota bukan Bumiputera ke dalam parti, beliau berkata: "Kami menyerahkannya kepada Umno dan saya yakin parti mempunyai mekanisme untuk menangani perkara itu. Jika mereka mahu menyertai Umno secara beramai-ramai, kami menyambut mereka dan jika mereka hendak menyertai parti komponen yang lain, mereka bebas berbuat demikian."

Beberapa pemimpin parti komponen BN negeri yang lain mengulangi sentimen yang serupa.

Presiden PBRS Tan Sri Joseph Kurup berkata pembubaran Akar dilakukan demi kebaikan parti.

"Bagaimanapun, saya ingin menarik perhatian bahawa pintu PBRS sentiasa terbuka untuk anggota parti itu untuk menyertai kami," kata beliau.

Presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee berkata kesediaan Umno untuk menerima anggota kaum Cina ke dalam parti itu tidak akan menjejaskan parti-parti komponen BN yang berteraskan Cina tetapi sebaliknya ia akan memperkukuhkan BN.

Yong berkata keputusan Pandikar Amin untuk membubarkan Akar memang sudah dijangka kerana spekulasi mengenai kemungkinan itu bertiup kencang sejak sekian lama.

"Malaysia ialah sebuah negara demokratik dan Akar bebas untuk menentukan masa depannya," kata Yong.

Setiausaha Agung UPKO Datuk Wences Anggang juga sependapat dengan Yong sambil berkata UPKO menghormati keputusan Majlis Tertinggi Akar.

-- BERNAMA

NT FAZ